



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 5 FEBUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NAFAS MUNGKIN DIBERI TENDER BEKAL BAJA PADI SUBSIDI SECARA TERUS, BISNES, HM -32	PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS)
2.	TENDER BAJA SUBSIDI DIBERI SECARA TERUS, NEGARA, KOSMO -6	
3.	KERAJAAN BELUM BUAT KEPUTUSAN, NASIONAL, SH -12	
4.	NAFAS BAKAL PEROLEH TENDER BEKAL BAJA SUBSIDI, ISU, BH -3	
5.	PROJEK TANAMAN KONTAN ATASI KESAN KEJATUHAN HARGA KOMODITI, ISU, BH -3	
6.	NELAYAN DITAHAN GUNA PUKAT RAWA SORONG, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	JANA PENDAPATAN RM50,000 SEMUSIM MELALUI TANAMAN FERTIGASI, SABAK BERNAM, SH -23	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8.	HASIL LUMAYAN DENGAN ROSELLE, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -38	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	A MARDI GRAS OR FASHION RUNWAY: EXPERTS SUGGEST IDEAS TO REJUVENATE SINGAPORE'S ORCHARD, NEWS, MALAY MAIL -3	
10.	SWEET SUCCESS FOR PINEAPPLE JAM FARMERS IN BARION, NEWS, DAYAK DAILY -10	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2019	HARIAN METRO	BISNES	32

Gurun
NAFAS mungkin diberi tender bekal baja padi subsidi secara terus

Kerajaan mungkin akan memberikan tender membekalkan baja padi subsidi secara terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menerusi kilang bajanya, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB), kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Amiruddin Hamzah.

Beliau berkata, meskipun pemberian tender secara sistem terbuka adalah polisi umum pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH), namun kerajaan juga melihat kepada keperluan tertentu dalam aspek melaksanakan sesuatu tender.

"Ini antara isu yang sedang dibincangkan, maknanya bukan tidak ada langsung kemungkinan berlakunya rundingan terus atau sistem *award* terus kepada pembekal ataupun kepada pembekal perkhidmatan ataupun barangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat kilang baja MNFSB di sini, semalam.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2019	KOSMO	NEGARA	6

Tender baja subsidi diberi secara terus

GURUN – Kerajaan mungkin akan memberikan tender membekalkan baja padi subsidi secara terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menerusi kilang bajanya, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB).

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah memberitahu, meskipun pemberian tender secara sistem terbuka merupakan polisi umum pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH), namun kerajaan juga melihat kepada keperluan tertentu dalam aspek melaksanakan sesuatu tender.

“Ini (tender terus) antara isu yang sedang dibincangkan, maknanya bukan tidak ada langsung



SALAH seorang pekerja sedang melakukan kerja-kerja menyusun baja sewaktu lawatan Amiruddin di kilang MNFSB di Gurun semalam.

kemungkinan berlakunya rundingan terus atau sistem award terus kepada pembekal ataupun kepada pembekal perkhidmatan ataupun barangan,” katanya pada sidang akhbar se-

lepas melawat kilang baja MNFSB di sini, semalam.

Amiruddin berkata, sememangnya terdapat keperluan untuk tender pembekalan baja di bawah skim baja padi subsidi itu

diberikan secara terus kepada Nafas kerana lebih 90 peratus pesawah merupakan ahli Pertubuhan Peladang (PP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang merupakan ahli Nafas.

“Sebenarnya produk dihasilkan oleh kilang (Nafas) kembali kepada ahli itu sendiri,” katanya.

Beliau bagaimanapun memberitahu, isu pemberian tender pembekalan baja padi itu masih berada dalam peringkat perbincangan lanjut antara kementerianannya bersama pihak berkaitan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum memuktamadkan sebarang keputusan. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Kerajaan belum buat keputusan

Sama ada secara tender terbuka atau diberi kepada Nafas

ROSLINDA HASHIM

GURUN

Kerajaan belum memutuskan sama ada melaksanakan tender terbuka bagi pembekalan baja menerusi skim subsidi baja padi yang mana tender itu sebelum ini diberi terus kepada kilang Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di Kedah.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah berkata, perkara itu masih di peringkat perbincangan dengan pihak berkepentingan, termasuk

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Nafas dan wakil petani.

Menurutnya, walaupun kerajaan PH mengamalkan konsep tender terbuka, namun terdapat pengecualian untuk kes-kes tertentu atas faktor keselamatan atau sebagainya.

“Kita belum putus sama ada pembekalan dibuat secara tender terbuka atau rundingan terus. Memang polisi PH adalah tender terbuka, namun bukan bermakna tiada langsung kemungkinan berlakunya anugerah terus kepada pembekal,” katanya, selepas mengadakan lawatan kerja ke kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi dan Pengerusi

PEMBEKALAN BAJA SUBSIDI

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman.

Amiruddin berkata, terdapat pengecualian peraturan sekiranya ada keperluan dan hanya melibatkan kes tertentu.

“Contohnya, pembekalan peralatan pertahanan negara tiada tender terbuka atas faktor keselamatan, dan perlu diberikan secara terus kepada pembekal. Ini termasuk kes seperti pembekalan baja, mungkin juga antara pengecualian yang akan kita lakukan,” katanya.

Menurutnya, kerajaan akan mengambil kira semua pandangan daripada pihak berkepentingan sebelum mengumumkan keputusan.

“Kita akan pastikan keputusan kelak tidak akan jekaskan golongan petani



Amiruddin (empat, kanan) bersama Phahrolrazi (empat, kiri) ketika melawat kilang Malaysian NPK Fertilizer di Gurun, semalam.

yang merupakan pemegang saham terbesar Nafas selain peka dengan musim penanaman padi 1/2019 yang akan bermula. Kita pastikan jadual tanaman juga tidak akan terjejas,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Amiruddin berkata,

kilang Malaysian NPK Fertilizer juga sedang berusaha meneroka potensi pasaran di luar negara memandangkan memiliki teknologi, kepakaran dan keupayaan menghasilkan produk berkualiti.

“Tiada kekangan untuk

teroka sektor baru seperti kelapa sawit, walaupun fokus kini adalah sektor padi. Untuk besarkan produktiviti pasti perlukan modal tambahan, aspek ini juga akan dikaji susulan ia berpotensi kembangkan pasaran,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2019	BERITA HARIAN	ISU	3



Pekerja kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd menyusun baja yang siap dibungkus di Gurun, semalam.

NAFAS bakal peroleh tender bekal baja subsidi

➔ Pemberian secara terus tertakluk kepada keperluan tertentu

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my
Gurun

Tender membekal baja menerusi skim subsidi negara dijangka diberi secara terus kepada kilang milik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) iaitu NPK Fertilizer Sdn Bhd. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah, berkata walaupun

pemberian tender terbuka adalah polisi di bawah Pakatan Harapan (PH), namun kerajaan juga melihat kepada keperluan tertentu dalam pelaksanaan sesuatu tender.

Berdasar keperluan
"Bila kata demikian (tender terbuka) bukan tidak ada langsung kemungkinan berlaku rundingan terus kepada pembekal kerana ia berdasarkan kepada sesuatu keperluan.

"Sebagai contoh, keperluan pembekalan peralatan pertahanan negara yang kita tidak boleh buat request of proposal sebab kita perlu ia menjadi rahsia (pertahanan negara) bagi mengelak diketahui ramai, jadi kita perlu terus kepada pembekal," katanya pada sidang media selepas melawat kilang baja NPK Fertilizer Sdn Bhd, di sini, semalam.

Amiruddin berkata, terdapat keperluan untuk tender pembekalan baja padi itu di-



Amiruddin bersama Pengerusi NAFAS, Datuk Pahrolrazi Mohd Zawawi (tengah) pada sidang media di Kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd di Gurun, semalam.



Kerajaan mengambil berat perjalanan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kerana ia memberikan faedah apabila dapat keuntungan dan apabila kilang membuat keuntungan, ia membayar dividen kepada ahli"

Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan

berikan secara terus kepada kilang NAFAS berikutan lebih 90 peratus pesawah padi adalah ahli Pertubuhan Peladang yang kemudian bergabung semuanya di bawah NAFAS.

Ambil berat

"Sebenarnya ini produk dihasilkan kilang (NAFAS), kemudian ia kembali kepada ahli itu sendiri.

"Kerajaan mengambil berat perjalanan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kerana ia memberikan faedah apabila dapat keuntungan dan apabila kilang membuat keuntungan, ia membayar dividen kepada ahli," katanya.

Bagaimanapun, katanya, isu pemberian tender itu masih pada peringkat perbincangan antara kementerianya bersama pihak berkaitan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum sebarang keputusan dibuat.

Projek tanaman kontan atasi kesan kejatuhan harga komoditi

Gurun: Satu projek tanaman kontan akan diusahakan secara kerjasama membabitkan beberapa agensi pada April ini bagi membolehkan peladang terus memperoleh pendapatan walaupun kejatuhan harga komoditi.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman, berkata kerjasama itu akan membabitkan FELDA, FELCRA, FGV Holding Berhad (FGV) dan RISDA.

Katanya, Mesyuarat LPP pada 22 Januari lalu bersetuju mengadakan kerjasama dengan beberapa agensi membabitkan penyertaan langsung pekebun kecil yang akan menerima kesan apabila berlaku kejatuhan harga komoditi.

"Kolaborasi ini mengambil kira usaha menjana pendapatan sampingan melalui tanaman yang dapat dituai dengan cepat bagi menyumbang pendapatan kepada masyarakat.

"Perbincangan dengan semua pihak sudah dimulakan dan kita menjangka selewat-lambatnya April ini, projek pertama akan dilakukan," katanya ketika ditemui di Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd, di sini, semalam.

Inisiatif jana pendapatan pekebun

Mazlan berkata, perbincangan susulan akan dilakukan dengan agensi berkenaan dan pihaknya akan memaklumkan jenis tanaman kontan akan diusahakan nanti.

"Usaha ini untuk menyambut hasrat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan pada masa sama, menjawab keresahan dan kebimbangan masyarakat luar bandar apakah yang dilakukan kerajaan untuk menampung pendapatan mereka yang terjejas dengan kejatuhan harga komoditi," katanya.

Kelamrin, Dr Mahathir berkata, krisis kejatuhan harga sawit dan getah yang memberi tekanan terhadap peladang, dapat diatasi dengan tanaman kontan di ladang masing-masing.

Perdana Menteri berkata, tanaman yang dapat memberi pulangan harian itu membolehkan peladang terus memperoleh pendapatan, sekali gus tidak terjejas dengan kejatuhan harga sawit dan getah.

Beliau berkata, tanaman seumpama itu tidak memerlukan kawasan luas, namun perlu dilaksanakan secara serius dengan kaedah pertanian moden secara teratur dan tersusun.



Kolaborasi ini mengambil kira usaha menjana pendapatan sampingan melalui tanaman yang dapat dituai dengan cepat"

Datuk Mazlan Aliman, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2019	KOSMO	NEGARA	16

Nelayan ditahan guna pukat rawa sorong

ALOR SETAR – Kedegilan tiga nelayan tempatan yang masih menggunakan pukat haram jenis rawa sorong membawa padah apabila mereka ditahan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kedah di perairan Yan dekat sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Mahmud Faizal Ahmad berkata, dua bot bersama tiga nelayan itu ditahan pada jarak 1.4 batu nautika dari muara barat Tanjung Dawai kira-kira pukul 3 pagi.

“Hasil pemeriksaan mendapati dua bot itu menggunakan peralatan menangkap ikan yang diharamkan iaitu jenis

rawa sorong,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, pihaknya kemudian menahan sebuah lagi bot nelayan jenis bot kelas A bersama lima nelayan tempatan pada kedudukan 0.5 batu nautika dari Pulau Bunting kira-kira pukul 6.30 pagi hari yang sama.

“Bot itu disyaki menjalankan aktiviti menangguk siput menggunakan sangkar besi sedangkan bot hanya dibenarkan menjalankan aktiviti pukat hanyut,” ujarnya.

Tambahnya, ketiga-tiga bot itu dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.



ANGGOTA APMM melihat dua bot nelayan yang ditahan kerana menggunakan pukat rawa sorong di perairan Yan semalam.

“Dua buah bot rawa sorong bersama peralatan menangkap ikan berserta enjin bot diang-

garkan bernilai RM37,000 dan 100 kilogram hasil siput dirampas,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2019	SINAR HARIAN	SABAK BERNAM	23

Jana pendapatan RM50,000 semusim melalui tanaman fertigasi

BAGAN NAKHODA OMAR - Projek tanaman fertigasi cili kulai diusahakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya mampu menjana pendapatan sebanyak RM50,000 semusim.

Pengerusinya, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, projek di bawah Skim Ladang Kontrak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Selangor itu diusahakan di atas tanah seluas 0.5 hektar di Tebuk Sultan, Kampung Sungai Tengah, di sini.

Beliau memberitahu, tanaman cili kulai meningkat lebih tinggi tahun ini berbanding tahun lalu.

"Sebanyak 5,000 pokok cili kulai ditanam kali ini berbanding hanya 1,900 pokok cili jenis sama, tahun lalu.


Tanaman cili kulai meningkat lebih tinggi tahun ini berbanding tahun lalu.

- Abd Rahman

"Selepas dua bulan ditanam, pokok cili yang boleh dituai selama empat bulan ini menunjukkan hasil sangat menggalakkan.

"Dalam tempoh 10 hari lalu, kita berjaya memperoleh 2.7 tan metrik dengan purata cili ini boleh dijual pada harga RM5 sekilogram kepada pemborong," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan mengusahakan tanaman itu selama dua mu-



Abd Rahman (dua, kiri) menunjukkan hasil cili kulai diusahakan PPK Bernam Jaya mampu menjana pendapatan RM50,000 semusim.

sim tahun ini.

"Ini sekaligus bakal memberi pulangan sebanyak

RM100,000 kepada PPK Bernam Jaya," katanya.

Abdul Rahman memberi

tahu, selain itu, PPK Bernam Jaya menawarkan beberapa perkhidmatan dan aktiviti eko-

nomi bagi menambah pendapatan pertubuhan.

Katanya, usaha berkenaan memastikan ahli menikmati keuntungan pertubuhan melalui pulangan dividen.

"Antaranya seperti menawarkan Skim Kredit Ladang Terselia (SKLT) kelapa sawit kepada ahli untuk diuruskan sepenuhnya atau membekalkan bahan input sahaja," katanya.

Menurutnya, pada masa sama, PPK Bernam Jaya membuka pusat belian pukal kelapa sawit dan menawarkan harga belian yang kompetitif kepada ahli.

"PPK Bernam Jaya juga akan memperkenalkan stesen minyak mini dijangka beroperasi sepenuhnya pada Mac depan," katanya.

Headline	Hasil lumayan dengan roselle		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	05 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	800 cm ²
Journalist	SARINAH MAT KASIM	AdValue	RM 5,604
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,812

Hasil lumayan dengan roselle

Zamri beranikan diri ceburi bidang perusahaan tanaman roselle

SARINAH MAT KASIM

REMAU

Buah roselle jika bijak diurus, pasti akan membuahkan hasil yang lumayan.

Berpegang prinsip berbudi pada tanah pasti ada hasilnya, menjadikan bekas pegawai di sebuah syarikat industri burung walet ini, nekad membabitkan diri dalam perniagaan makanan dan minuman berasaskan buah roselle.

Walaupun tiada pengalaman dalam bidang ini, tetapi pengusahanya, Zamri Abu, 38, memberanikan diri ceburi projek tanaman roselle, sekali gus mengeluarkan pelbagai produk berasaskan buah ini.

Roselle atau nama saintifiknya hibiscus sabdariffa, kaya dengan antioksidan dan vitamin C, terutama di bahagian buah dan daunnya.

Tanpa memerlukan pengurusan tanaman cerewet dan rumitkan, roselle yang juga dikenali sebagai "bunga merah" selain asam paya, asam kumbang dan asam susur, mudah hidup subur.

Tanaman seluas 10 hektar

Bermula secara kecil-kecilan, pemilik berasal dari Senawang itu, kini memiliki kawasan tanaman pokok roselle seluas 10 hektar, di beberapa tempat antaranya di Batu Kikir, Jempol, Seri Menanti, Kuala Pilah; Pekan, Pahang dan Pokok Sena, Kedah.

Katanya, kesemua tanah itu disewa daripada pemilik tanah secara tahunan.

"Saya dalam proses meluaskan lagi tanaman roselle dan setakat ini beberapa kawasan baru di



Zamri menunjukkan produk Roselle keluaran syarikatnya.

Port Dickson dan Sabah sudah dikenali pasti, dengan keluasan kira-kira 20 hektar.

"Saya memerlukan bahan mentah roselle yang banyak setiap bulan untuk diproses bagi menghasilkan produk makanan dan minuman menggunakan jenama Olley.

"Setakat ini, tanaman mampu mengeluarkan kira-kira dua tan buah roselle seminggu," katanya.

Tambahnya, operasi syarikatnya di Bangunan IKS Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Cengkau, telah beroperasi enam tahun lalu.

Pelbagaikan produk roselle

Zamri berkata, selain dijadikan kordial dan jus roselle, pihaknya turut mengeluarkan produk lain seperti jeruk, acar, jem dan halva.

Menurutnya, ketika ini kilang berupaya mengeluarkan sekitar 15,000 botol minuman roselle pelbagai saiz sebulan dan pihaknya menyasarkan untuk dinaikkan kepada 20,000 menjelang pertengahan tahun ini.

"Kami dalam proses



Zamri bersama kakitangannya.

untuk mengeluarkan losen, serum, sabun dan pencuci wanita yang dibuat dengan kerjasama Mardi," katanya.

Bapa kepada empat orang anak berusia antara lima hingga 11 tahun itu berkata, biarpun tanaman itu kaya dengan khasiat, namun dia menyedari

roselle masih kurang dikenali dan ada segelintir individu tidak mengetahui kegunaan dan cara memasak buah itu.

"Roselle di negara kita antara terbaik di dunia dan ia mempunyai kelebihan tersendiri serta nilai pasaran yang baik.

"Bagaimanapun dalam situasi ekonomi sekarang amat mencabar dan saya perlu bekerja lebih keras untuk memasarkan produk ini," katanya.

Katanya, setakat tempoh ini, beliau bersama tujuh



- Dikenali sebagai asam belanda, asam susur atau roselle
- Spesies hibiscus sabdariffa dan keluarga bunga raya
- Berasal dari India dan Afrika Barat
- Diperkenalkan di Malaysia sejak lebih tiga kurun lalu
- Daun dan batang muda roselle boleh dimakan sebagai utam atau salad



Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin (tengah) menaman pokok roselle dalam lawatannya di Rembau.



Shamsul Iskandar (dua, kanan) melihat proses pembungkusan Roselle.

kakitangannya, memasarkan sendiri produk mereka dengan menyertai pelbagai aktiviti keusahawanan seperti karnival usahawan anjuran agensi kerajaan, selain berniaga di pasar tani kekal di sekitar negeri ini dan Lembah Klang.

Zamri berkata, syarikatnya turut membuka peluang kepada mana-mana individu atau syarikat yang ingin membina jenama sendiri berasaskan roselle.

"Selain menjual produk roselle yang sudah diproses, saya juga menjual buah roselle mentah dan kering pada harga RM4.50 sekilogram dan RM60 sekilogram.

"Setakat ini, permintaan terhadap roselle sangat menggalakkan," katanya.

Katanya, kejayaannya turut dibantu Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Veterinar Negeri Sembilan, Fama dan Mardi dalam menjadikan dirinya sebagai usahawan.

Headline	A Mardi Gras or fashion runway: Experts suggest ideas to rejuvenate Singapore's Orchard		
MediaTitle	Malay Mail(www.malaymail.com)		
Date	05 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	3	Readership	6
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

A Mardi Gras or fashion runway: Experts suggest ideas to rejuvenate

Plans to give Orchard Road a facelift were first announced in 2017 by then-Minister for Trade and Industry (Industry) S Iswaran, as the popular shopping stretch was losing its attraction due to the presence of heartland malls and the rising popularity of ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Sweet success for pineapple jam farmers in Bario		
MediaTitle	Dayakdaily (dayakdaily.com)		
Date	05 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Sweet success for pineapple jam farmers in Bario

Dayang with the processed pineapple jam at their processing centre in Bario.

By Nancy NaisBARIO, Feb 5: "If fear is keeping you from taking your business to the next level, then you are allowing fear to dampen your potential." These are the words Kelabit...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)